

JAWAPAN IMPAK A+ BAHASA MELAYU TINGKATAN 5 BAHAGIAN 2, 3 & 4

BAHAGIAN 2: RUMUSAN DAN PETIKAN UMUM

Praktis Pendahuluan Rumusan

Praktis 1

Fokus Pertama Soalan: kelebihan-kelebihan menabung bagi golongan remaja
Fokus Kedua Soalan: cara-cara untuk menarik minat golongan remaja menabung

Pendahuluan Lengkap: Petikan membincangkan kebaikan/ faedah/ keuntungan menabung bagi golongan remaja di negara ini/ di Malaysia.

Praktis 2

Fokus Pertama Soalan: kesan-kesan negatif penggunaan Internet
Fokus Kedua Soalan: langkah-langkah untuk membendung peggunaannya

Pendahuluan Lengkap: Petikan membincangkan keburukan/ akibat buruk/ implikasi buruk/ implikasi penggunaan Internet dalam kalangan masyarakat di negara kita/ di Malaysia.

Praktis 3

Fokus Pertama Soalan: faktor-faktor berlakunya longgokan sampah
Fokus Kedua Soalan: kesan-kesan longgokan sampah

Pendahuluan Lengkap: Petikan membincangkan sebab-sebab/ punca-punca berlakunya longgokan sampah di negara ini/ di Malaysia.

Praktis 1: Faktor Berlakunya Bencana Alam

Rumusan

Pendahuluan:

Petikan membincangkan sebab-sebab/ punca-punca berlakunya bencana alam di negara kita.

Isi Tersurat:

- S1 Aktiviti **pembalakan** menjadi faktor berlakunya bencana alam.
- S2 Melakukan **pembakaran terbuka**.
- S3 **Pembakaran hutan** untuk tujuan pertanian.
- S4 **Membuang sampah** ke dalam longkang dan sungai.
- S5 Aktiviti **pembangunan yang tidak terancang** di lereng-lereng bukit.
- S6 Pemaju perumahan membuka kawasan **perbandaran baharu**.
- S7 **Penyelenggaraan sungai** yang tidak praktikal.
- S8 **Perubahan cuaca** yang dialami oleh kebanyakan negara.
- S9 Perindustrian menyebabkan **fenomena penipisan ozon**.
- S10 Masyarakat yang bersikap **tidak peka terhadap alam sekitar**.

Isi Tersirat:

- T1 Guru menekankan kepada murid tentang kepentingan menjaga alam sekitar.
- T2 Kelab Alam Sekitar memperbanyak aktiviti yang memberi kesedaran kepada ahli.
- T3 Mengadakan Minggu Alam Sekitar setiap tahun.
- T4 Program Sekolah Selamat merangkumi hal yang berkaitan dengan alam sekitar.

Penutup:

Kesimpulannya, pelbagai pihak perlu bersama-sama menjaga alam sekitar **agar/supaya** negara kita bebas daripada berlakunya bencana alam.

Pemahaman

- (i) Rangkai kata *sebarang makna* ialah apa-apa maksud.
- (ii) Bencana alam boleh diatasi dengan cara kerajaan menubuhkan sistem amaran awal supaya orang ramai dapat meramalkan jenis bencana alam. Seterusnya, masyarakat dilatih dengan pelbagai latihan kecemasan supaya bersedia menghadapi bencana alam. Selain itu, Pertubuhan Badan-badan Bukan Kerajaan mengadakan kempen untuk mewujudkan kesedaran dalam kalangan masyarakat. [Dua isi dengan ayat yang gramatis akan diberi markah penuh].
- (iii) Bencana alam terus berlaku disebabkan masyarakat menganggap hal-hal berkaitan dengan alam sekitar ialah tanggungjawab kerajaan menguruskannya tanpa keinginan **untuk** bersama-sama melestarikan alam sekitar. Selain itu, pemaju perumahan terlalu berorientasikan keuntungan **menyebabkan** bukit digondolkan sewenang-wenangnya. [Dua isi dengan ayat yang gramatis akan diberi markah penuh].

Praktis 2: Ciri-ciri Pengguna Jalan Raya yang Berhemah

Rumusan

Pendahuluan:

Petikan membincangkan unsur-unsur pengguna jalan raya yang berhemah di negara ini.

Isi Tersurat:

- S1 Mematuhi peraturan dengan memandu mengikut **had laju** yang ditetapkan.
- S2 Pemandu tidak dibenarkan **memotong** di garisan berkembar.
- S3 Pengguna hendaklah **berhenti** apabila lampu isyarat bertukar merah.
- S4 Pejalan kaki mestilah **melihat kiri dan kanan** sebelum melintas.
- S5 Menggunakan **jejantas** untuk melintas jalan raya yang sesak.
- S6 Menggunakan **laluan pejalan kaki** apabila berjalan di bahu jalan raya.
- S7 Memastikan **kereta dalam keadaan baik**.
- S8 Tidak menggunakan **telefon bimbit** ketika memandu.
- S9 Memastikan **jarak kenderaan** masing-masing dengan kenderaan lain.
- S10 **Berwaspada** ketika memandu.

Isi Tersirat:

- T1 Menunjukkan kehebatan memandu dengan rakan yang lain.
- T2 Menguji enjin kereta yang telah diubah suai.
- T3 Meyakini tiada polis merakam gambar kenderaan.
- T4 Sekadar suka-suka untuk mencari kenderaan.

Penutup:

Kesimpulannya, masyarakat hendaklah mengingatkan orang yang disayangi ketika memandu agar/supaya tidak terlibat dalam kemalangan maut.

Pemahaman

- (i) Rangkaian kata *menghadkan kelajuan* bermaksud membataskan pergerakan.
- (ii) Usaha mengurangkan kemalangan jalan raya melalui tindakan kerajaan mengadakan kempen berterusan untuk mengurangkan kemalangan jalan raya. Seterusnya, kerajaan membina satu sistem jalan raya yang selamat kepada pengguna jalan raya. Selain itu, kerajaan memperbaiki kemudahan pengangkutan awam supaya lebih ramai masyarakat menggunakan pengangkutan awam. [Dua isi dengan ayat yang gramatis akan diberi markah penuh].
- (iii) Kesyakan jalan raya menyebabkan pengguna gagal menepati masa yang ditetapkan **menyebabkan** urusan seharian akan terganggu. Selain itu, perasaan pengguna akan tertekan **menyebabkan** jiwa berasa stres dan hilang rasa ketenangan. [Dua isi dengan ayat yang gramatis akan diberi markah penuh].

Praktis 3: Impak Gejala Rasuah

Rumusan

Pendahuluan:

Petikan membincangkan kesan/ akibat rasuah dalam masyarakat di negara kita.

Isi Tersurat:

- S1 Merendahkan **harga diri** seseorang.
- S2 Kehidupan masyarakat menjadi tidak **harmoni**.
- S3 Mengganggu-gugat perkembangan **ekonomi** negara.
- S4 **Kos meningkat** dalam pemberian tender kerajaan.
- S5 Harga barang menjadi lebih **mahal**.
- S6 **Imej negara** akan tercemar.
- S7 **Melumpuhkan** fungsi perjalanan sesuatu organisasi.
- S8 **Menghakis kepercayaan** awam terhadap cerdik pandai negara.
- S9 **Pemerintahan menjadi lemah**.
- S10 Pentadbiran sesebuah negara menjadi **kucar-kacir**.

Isi Tersirat:

- T1 Keinginan hidup mewah sedangkan gaji yang diperoleh amat sedikit.
- T2 Tiada jati diri apabila melihat wang yang banyak daripada pemberi rasuah.
- T3 Kurang didikan agama dan moral.
- T4 Tidak ada rasa tanggungjawab terhadap negara.

Penutup:

Kesimpulannya, kita perlu bekerjasama membantu kerajaan membanteras rasuah agar/ supaya gejala rasuah dapat dihapuskan di negara kita.

Pemahaman

- (i) Rangkaian kata *lubang cacing* bermaksud hingga jumpa.
- (ii) Tindakan mengurangkan perbuatan menerima rasuah menerusi tangkapan demi tangkapan membabitkan beberapa orang penjawat awam. Seterusnya, hampir setiap minggu sudah ada tangkapan dan pendakwaan terhadap penjawat awam baik. Selain itu, SPRM bertindak lebih giat memberkas mereka yang terlibat dalam gejala rasuah tanpa memilih bulu. [Dua isi dengan ayat yang gramatis akan diberi markah penuh].
- (iii) Jika Malaysia bebas daripada rasuah, sudah pasti Malaysia menjadi negara maju **kerana** sumber kekayaan negara dapat dimanfaatkan untuk masyarakat. Selain itu, masyarakat akan menjalani kehidupan dengan lebih baik **kerana** pendapatan yang diperoleh mencukupi untuk menyara kehidupan diri dan keluarga. [Dua isi dengan ayat yang gramatis akan diberi markah penuh].

Praktis 4: Usaha Membendung Pembuangan Bayi

Rumusan

Pendahuluan:

Petikan membincangkan langkah-langkah/ tindakan/ pendekatan/ kaedah membendung pembuangan bayi dalam kalangan remaja di negara ini.

Isi Tersurat:

- S1 Pihak media **menyekat program** hiburan yang boleh merosakkan akhlak remaja.
S2 Pihak berkuasa **menguatkuasakan undang-undang**.
S3 Pihak berkuasa mengadakan **kempen** untuk membangkitkan kesedaran.
S4 Ibu bapa mestilah memberikan didikan **agama** yang sempurna kepada anak-anak.
S5 Ibu bapa juga hendaklah sentiasa **mengawasi pergaulan** anak-anak.
S6 **Keharmonian institusi keluarga**.
S7 Badan-badan bukan kerajaan menyediakan dan menubuhkan **pusat jagaan bayi**.
S8 Masyarakat tidak **menghukum** mereka yang hamil anak luar nikah.
S9 Masyarakat bersama-sama **mencegah aktiviti yang tidak bermoral**.
S10 Anak muda diharapkan diberi **pendidikan keibubapaan**.

Isi Tersirat:

- T1 Desakan teman lelaki yang tidak mahu bertanggungjawab.
T2 Sebagai jalan mudah untuk menutup malu.
T3 Kehidupan masih belum stabil untuk memelihara anak.
T4 Tidak mahu menghadapi hukuman daripada pihak berkuasa.

Penutup:

Sebagai kesimpulannya, pelbagai pihak hendaklah berusaha membendung pembuangan bayi agar/ supaya masyarakat yang madani dapat dilahirkan.

Pemahaman

- (i) Rangkaian kata *memungkinkan berlakunya* bermaksud tidak mustahil terjadi.
- (ii) Antara sebab berlakunya gejala sosial dalam kalangan remaja ialah unsur negatif yang disampaikan oleh media massa sehinggakan berlakunya perbuatan maksiat. Seterusnya, tanpa didikan agama menyebabkan anak-anak tidak rasa bersalah untuk melakukan perbuatan yang bertentangan dengan agama. Selain itu, sikap ibu bapa yang tidak mengendahkan pergerakan anak pada waktu malam. [Dua isi dengan ayat yang gramatis akan diberi markah penuh].
- (iii) Ibu bapa hendaklah memperuntukkan masa berkualiti untuk anak-anak seperti solat berjemaah dan makan bersama-sama **agar** hubungan kekeluargaan semakin erat. Selain itu, ibu bapa menjadi pendengar yang baik terhadap permasalahan anak-anak yang meningkat remaja **supaya** anak tidak berasa malu meluahkan impiannya. [Dua isi dengan ayat yang gramatis akan diberi markah penuh].

Praktis 5: Kelebihan Perniagaan dalam Talian

Rumusan

Pendahuluan:

Petikan membincangkan kebaikan / faedah / keuntungan / manfaat perniagaan dalam talian kepada pengguna di negara ini.

Isi Tersurat:

- S1 **Mudah dimulakan** dan dijalankan dengan modal yang rendah.
- S2 Peniaga dapat **menguruskan sendiri** perniagaan tanpa mengupah ramai pekerja.
- S3 **Berisiko rendah** berbanding dengan perniagaan biasa.
- S4 Memberi peluang **beroperasi** selama 24 jam setiap hari.
- S5 Membeli-belah pada **bila-bila masa** dan di mana-mana sahaja.
- S6 Perniagaan dalam talian **tidak terhad**, malahan pelanggan di seluruh dunia.
- S7 Tidak perlu **memantau** tempahan sepanjang masa.
- S8 Menikmati **kebebasan waktu kerja** tanpa menjejaskan sumber pendapatan.
- S9 Boleh **menentukan** waktu kerja sendiri.
- S10 Boleh membuka perniagaan dalam talian secara **sambilan**.

Isi Tersirat:

- T1 Pengguna tidak menyelidiki latar belakang peniaga.
- T2 Terlalu percaya dengan tawaran harga yang tidak munasabah.
- T3 Membayar wang dalam jumlah yang banyak.
- T4 Tidak mengamalkan kaedah terima barang baru bayar.

Penutup:

Kesimpulannya, kita perlu menyokong perniagaan dalam talian namun perlu berhati-hati **agar/ supaya** tidak tertipu dengan menerima barang tidak berkualiti.

Pemahaman

- (i) Rangkaian kata *tanpa sempadan* bermaksud tiada had.
- (ii) Pengguna lebih selesa menggunakan perkhidmatan dalam talian untuk urusan seharian kerana tidak perlu meninggalkan rumah atau pejabat. Seterusnya, pengguna dapat menjimatkan minyak dan masa perjalanan ke kedai. Selain itu, mudah untuk membuat tempahan perkhidmatan seperti mencuci, memindah barang, dan penyelenggaraan peralatan elektrik. [Dua isi dengan ayat yang gramatis akan diberi markah penuh].
- (iii) Golongan yang lebih berusia selesa membeli barang secara konvensional kerana mereka tidak mahir menggunakan aplikasi Internet **menyebabkan** rasa bimbang diri akan tertipu. Selain itu, golongan ini lebih selesa membeli barang dengan cara melihat, memegang, dan memilih **untuk** memastikan mendapat barang yang berkualiti. [Dua isi dengan ayat yang gramatis akan diberi markah penuh].

Praktis 6: Pendekatan Mengatasi Penularan Penagihan Dadah

Rumusan

Pendahuluan:

Petikan membincangkan cara-cara/ langkah-langkah/ kaedah/ usaha-usaha mengatasi penularan penagihan dadah yang berlaku dalam masyarakat kita.

Isi Tersurat:

- S1 Kerajaan memperkenalkan **Pelan Strategik Memerangi Dadah Kebangsaan**.
- S2 **Jati diri** yang kuat agar dapat menangkis apa-apa juga anasir negatif.
- S3 Ibu bapa perlu **mendidik anak-anak** sejak kecil tentang bahaya dadah.
- S4 Ibu bapa **memantau** pergerakan anak ketika bersama-sama rakan sebaya.
- S5 Memusnahkan tempat-tempat yang dijadikan **lokasi penagihan dadah**.
- S6 Pemimpin masyarakat **menasihati masyarakat** setempat agar menjauhi dadah.
- S7 **Aduan** kepada pihak berkuasa jika terdapat kegiatan menagih dadah.
- S8 Media massa mengadakan **kempen-kempen kesedaran** kepada masyarakat.
- S9 Kerajaan melaksanakan **program kesedaran** tentang penyalahgunaan dadah.
- S10 Sekolah mengadakan **ceramah** mengenai penyalahgunaan dadah.

Isi Tersirat:

- T1 Kerajaan membelanjakan duit rakyat untuk membendung penagihan dadah.
- T2 Menyebabkan berlakunya jenayah mencuri, menyamun, dan membunuh.
- T3 Merebaknya penyakit AIDS dan penyebaran virus HIV.
- T4 Hubungan keluarga akan porak-peranda apabila ada yang menagih dadah.

Penutup:

Kesimpulannya, kita perlu menyokong usaha kerajaan membendung penularan penagihan dadah **agar/ supaya** negara dapat bebas daripada dadah.

Pemahaman

- (i) Rangkaian kata *impak negatif* bermaksud kesan buruk.
- (ii) Remaja yang terjebak dalam penagihan dadah kerana sifat ingin mencuba. Selain itu, mereka menganggap dadah dapat menghilangkan segala masalah. Seterusnya, pengaruh rakan sebaya juga menyebabkan seseorang itu menjadi penagih dadah. [Dua isi dengan ayat yang gramatis akan diberi markah penuh].
- (iii) Sekiranya rakan saya terlibat dalam dadah, saya akan membawa rakan saya itu bertemu dengan kaunselor **agar** guru itu boleh mencadangkan beberapa tindakan untuk mengatasi masalahnya. Selain itu, saya akan memujuk rakan saya itu memaklumkan kepada ibu bapanya **supaya** mereka bersama-sama berusaha mengatasi masalah yang dialami oleh rakan saya itu. [Dua isi dengan ayat yang gramatis akan diberi markah penuh].

Praktis 7: Punca Pencemaran Air

Rumusan

Pendahuluan:

Petikan membincangkan sebab-sebab / faktor-faktor pencemaran air dan beberapa cara mengatasi pencemaran air. [Menggunakan pendahuluan cara kedua].

Isi Tersurat:

- S1 **Pembuangan sampah** dari kawasan perumahan di sepanjang sungai.
- S2 Pembuangan **sisa toksik** dari kilang.
- S3 **Air kumbahan** dari kawasan perumahan.
- S4 **Pembersihan kapal perikanan** yang membuang minyak diesel ke laut.
- S5 **Tumpahan minyak** dari kapal tangki minyak.
- S6 **Pembinaan kawasan perumahan** yang berhampiran sungai.
- S7 Pengilangan hasil pertanian menghasilkan **bahan kimia** yang dialirkan ke sungai.
- S8 Penggunaan **bahan baja dan racun** untuk membunuh serangga.
- S9 Bahan buangan **radioaktif** dari hospital yang mengandungi sisa toksik.
- S10 Pembakaran fosil ke udara menyebabkan **pembentukan zarah berasid** di atmosfera.

Isi Tersirat:

- T1 Tong sampah diletak di tempat strategik agar sampah tidak melimpah ke sungai.
- T2 Saluran paip khas agar bahan buangan dapat dikumpulkan di kolam takungan.
- T3 Menyediakan tangki takungan bawah tanah yang dirawat.
- T4 Kempen yang boleh menyedarkan masyarakat tentang kepentingan air bersih.

Penutup:

Kesimpulannya, kita perlu bersama-sama memastikan air tidak tercemar **agar/supaya** kita dapat menjalani kehidupan lebih sihat.

Pemahaman

- (i) Rangkaian kata *kelangsungan rantaian* bermaksud tanpa henti rangkaian.
- (ii) Air bersih penting sebagai sumber alam dalam rangkaian sumber alam di bumi. Selain itu, air menjadi petunjuk utama potensi kehidupan di luar biosfera. Seterusnya, air sebagai sumber utama untuk menetapkan landasan menuju kemampuan pengurusan air negara. [Dua isi dengan ayat yang gramatis akan diberi markah penuh].
- (iii) Masyarakat tidak berhemat dalam penggunaan air kerana seluruh negara di kelilingi air laut dan hujan pula selalu turun **menyebabkan** masyarakat berkeyakinan air tidak akan berkurangan. Selain itu, air paip yang begitu murah **menyebabkan** mereka tidak terasa membazir apabila menggunakan air secara sewenang-wenangnya. [Dua isi dengan ayat yang gramatis akan diberi markah penuh].

Praktis 8: Tindakan Memastikan Kebersihan Restoran

Rumusan

Pendahuluan:

Petikan membincangkan usaha-usaha/ langkah-langkah/ kaedah/ pendekatan untuk memastikan kebersihan restoran di negara ini.

Isi Tersurat:

- S1 Pemilik restoran **membersihkan premis** daripada sisa makanan.
- S2 Mendapatkan khidmat syarikat **kawalan haiwan perosak**.
- S3 Sisa makanan dikutip oleh **agensi pengutip sampah** mengikut jadual.
- S4 **Longkang** di sekitar premis hendaklah sentiasa bersih.
- S5 **Kebersihan sistem perparitan** untuk membolehkan air longkang mengalir lancar.
- S6 **Melaporkan kepada Jabatan Kesihatan** apabila premis kotor dan tidak terurus.
- S7 **Membantu pemilik restoran** untuk meningkatkan tahap kebersihan.
- S8 Kementerian Kesihatan memberikan **pendidikan kesihatan** kepada pemilik restoran.
- S9 Pengusaha restoran berusaha **mempertingkatkan tahap kebersihan**.
- S10 Media massa **menyedarkan pengguna** supaya mementingkan aspek kebersihan.

Isi Tersirat:

- T1 Masyarakat hanya mengutamakan makanan yang dijual berharga murah.
- T2 Pelanggan mengutamakan rasa makanan yang menyelerakan.
- T3 Sudah terbiasa makan di restoran yang kurang bersih.
- T4 Pelanggan tiada pilihan lain.

Penutup:

Kesimpulannya, sebagai pelanggan perlu mengutamakan aspek kebersihan jika ke restoran **agar/ supaya** diri tidak mengalami keracunan makanan.

Permahaman

- (i) Rangkaian kata *tatacara pengurusan* bermaksud kaedah pengendalian.
- (ii) Impak negatif tersebut ialah berlakunya kes keracunan makanan kerana pelanggan memakan makanan yang tidak bersih. Seterusnya, sampah yang disimpan lama menyebabkan persekitaran premis berbau busuk. Selain itu, sakit perut dan cirit-birit yang dialami oleh pelanggan kerana makan makanan yang tercemar. [Dua isi dengan ayat yang gramatis akan diberi markah penuh].
- (iii) Masyarakat terutamanya anak muda lebih gemar makan di restoran kerana ibu tidak dapat menyediakan makanan di rumah **disebabkan** ibu zaman sekarang bekerja membantu suami menambahkan pendapatan keluarga. Selain itu, apabila makan di restoran, mereka dapat bersembang dengan rakan sebagai cara **untuk** berkongsi pengalaman dan merehatkan minda. [Dua isi dengan ayat yang gramatis akan diberi markah penuh].

Praktis 9: Unsur Penting Bandar Pintar

Rumusan

Pendahuluan:

Rumusan membincangkan ciri-ciri penting bandar pintar dan kepentingannya. [Menggunakan kaedah pendahuluan ketiga].

Isi Tersurat:

- S1 Menggalakkan **guna tanah** secara cekap dan mesra alam.
- S2 Mengutamakan pembangunan yang bercirikan **teknologi hijau**.
- S3 Memiliki **Internet** untuk kemudahan penduduk setempat secara percuma.
- S4 Menekankan keseimbangan alam dan **ekosistem dengan efektif**.
- S5 Memastikan pengurangan **pencemaran alam**.
- S6 Menyediakan suasana **kehidupan yang berkualiti**.
- S7 Mengutamakan **kesejahteraan** hidup penduduk.
- S8 Mengutamakan **pembangunan ekonomi** sesebuah bandar.
- S9 Berupaya meningkatkan **peluang pekerjaan**.
- S10 Memperbaiki **kelemahan-kelemahan** bandar sebelum ini.

Isi Tersirat:

- T1 [Isi Tersirat Terikat][S1] Setiap ruang tanah bermanfaat kepada penduduk.
- T2 [S3] Masyarakat mudah berkomunikasi dan pengetahuan bertambah.
- T3 [S5,S6&S7] Masyarakat tidak dihindangi penyakit yang berbahaya.
- T4 [S8&S9] Taraf ekonomi penduduk meningkat, sekali gus tiada jenayah.

Penutup:

Kesimpulannya, kerajaan perlu memperbanyak kewujudan bandar pintar di seluruh negara **agar/ supaya** proses Malaysia menjadi negara maju dapat dipercepat.

Pemahaman

- (i) Rangkaian kata *terus menular* bermaksud langsung merebak.
- (ii) Sikap negatif masyarakat yang boleh menghalang pelaksanaan konsep bandar pintar ialah suka membuang sampah merata-rata. Seterusnya, sikap masyarakat merosakkan kemudahan awam yang disediakan. Selain itu, masyarakat yang malas bekerja, walaupun peluang pekerjaan ada di depan mata. [Dua isi dengan ayat yang gramatis akan diberi markah penuh].
- (iii) Sekiranya kerajaan mengabaikan pembangunan bandar pintar, Malaysia tidak dapat bersaing dengan negara-negara maju **menyebabkan** Malaysia menjadi sebuah negara miskin. Selain itu, cendekiawan negara akan berhijrah ke negara luar **kerana** menjanjikan pekerjaan yang sesuai dengan kemahiran yang dimiliki. [Dua isi dengan ayat yang gramatis akan diberi markah penuh].

Praktis 10: Faktor-faktor Berlakunya Gejala Buli

Rumusan

Pendahuluan:

Petikan membincangkan sebab-sebab/ punca-punca berlakunya gejala buli dalam kalangan masyarakat di negara kita.

Isi Tersurat:

- S1 Murid yang **kurang berdisiplin**.
- S2 **Kekurangan pengawasan** dan disiplin yang longgar di sekolah.
- S3 Kekurangan penghayatan **nilai-nilai moral dan agama**.
- S4 **Ibu bapa terlalu sibuk** sehingga tiada masa untuk memberi perhatian.
- S5 **Kelemahan institusi kekeluargaan** menyebabkan kurang pemantauan ibu bapa.
- S6 **Emosi yang sukar dikawal**.
- S7 Satu cara bagi **melepaskan tekanan**.
- S8 Pengaruh **rakan sebaya** yang kurang matang.
- S9 Sifat **ego** mereka yang tidak mahu kalah setelah dicabar rakan.
- S10 Pengaruh **media massa** yang memaparkan unsur negatif.

Isi Tersirat:

- T1 Banyakkan program penyayang melibatkan semua murid.
- T2 Murid bermasalah dikenal pasti untuk sesi kaunseling.
- T3 Ibu bapa dihubungi untuk membendung masalah yang berlaku.
- T4 Jadikan murid bermasalah disiplin sebagai rakan.

Penutup:

Kesimpulannya, gejala buli perlu diberi perhatian oleh pihak sekolah **agar/ supaya** murid-murid dapat memberi fokus terhadap kecemerlangan akademik.

Pemahaman

- (i) Rangkaian kata *mempertlihatkan kekuatan* bermaksud menunjukkan kehebatan.
- (ii) Gejala buli boleh diatasi dengan cara pihak sekolah bertindak tegas terhadap murid yang terlibat dalam gejala tersebut. Selain itu, ibu bapa menerapkan nilai-nilai murni dalam diri anak-anak sejak awal lagi. Seterusnya, kerajaan berusaha menyekat siaran ganas agar tidak mempengaruhi penonton yang terdiri daripada pelbagai corak pemikiran. [Dua isi dengan ayat yang gramatis akan diberi markah penuh].
- (iii) Remaja lelaki lebih ramai terlibat dalam gejala buli kerana sikap dan jiwa mereka mudah memberontak **menyebabkan** tindakan mereka kadang-kadang di luar kawalan. Selain itu, orang lelaki mudah meradang **menyebabkan** sukar menerima nasihat orang lain, seterusnya bertindak tanpa memikirkan kesan buruk akibat tindakan yang dilakukan. [Dua isi dengan ayat yang gramatis akan diberi markah penuh].

BAHAGIAN 3 KOMSAS: ANTOLOGI *SEJADAH RINDU*

Praktis 1 Gurindam Beberapa Petua Hidup

- (i) Seseorang yang kasar dalam pertuturan akan menyebabkan dirinya ditimpa pelbagai masalah.
- (ii) Mereka yang bertindak tanpa berfikir seperti memotong kenderaan di hadapan boleh **menyebabkan** berlakunya kemalangan. Seterusnya, jika membakar sampah secara terbuka **menyebabkan** kawasan sekitar diselaputi jerebu. [Dua isi dengan ayat yang gramatis akan memperoleh markah maksimum].
- (iii) Persoalan yang terdapat gurindam ialah **persoalan perlunya menjaga tutur kata**, contohnya fikir terlebih dahulu sebelum berkata-kata. Selain itu, **persoalan perlu bijak memilih sahabat**, contohnya perlunya memilih sahabat yang kita kenal sifat budinya.

Praktis 2 Seloka Berbuat Istana Zaman Dahulu

- (i) Ayat tersebut membawa maksud kayu yang melintang pada atap istana bercorak seorang puteri yang menyembah. Manakala sebatang kayu yang melengkung pada atap istana bercorak ukiran helang di sekelilingnya.
- (ii) Jika kita tidak patuh kepada pemerintah, keamanan sesebuah negeri tidak dapat diwujudkan yang **menyebabkan** kuasa asing akan datang menjajah. Selain itu, pembangunan negeri tidak dapat dilaksanakan **menyebabkan** negeri menjadi mundur dan kehidupan rakyat menjadi sengsara. [Dua isi dengan ayat yang gramatis akan memperoleh markah maksimum].
- (iii) Pengajaran daripada seloka ialah **kita perlu mengamalkan sikap bekerjasama** dalam menjalankan sesuatu tugas, contohnya mereka yang mahir dalam membina istana bergembleng tenaga menyiapkan istana selama tujuh bulan. Seterusnya **kita hendaklah bersikap rajin** ketika bekerja, contohnya pekerja yang menyiapkan istana tidak mengira waktu; bekerja dari pagi sehingga malam.

Praktis 3 Sajak Sejadah Rindu

- (i) Penyajak menangis sewaktu sujud di atas sejadah sambil membaca ayat-ayat suci dalam solat yang didirikannya. Pada waktu itu, dia yang khusyuk bersolat berasa insaf yang sudah lama terpendam dalam hatinya.
- (ii) Hal-hal yang bercorak keagamaan sering dilakukan oleh warga tua **kerana** menyedari kematian tidak lama lagi, sedangkan orang muda merasakan diri mereka akan melalui kehidupan lebih lama. Selain itu, warga tua mempunyai masa terluang **kerana** sudah pencen dan anak-anak pula sudah berkahwin, berbanding orang muda sibuk dengan kerjaya masing-masing. [Dua isi dengan ayat yang gramatis akan memperoleh markah maksimum].
- (iii) Nilai murni yang terdapat dalam sajak ialah **kesyukuran**, contohnya penyajak mensyukuri nikmat kehidupan yang dialami menyebabkan penyajak insaf terhadap dosa yang pernah dilakukan dan berharap Tuhan menerima taubatnya. Seterusnya **kasih sayang**, contohnya penyajak yang telah insaf amat mencintai Pencipta menyebabkan hatinya luluh dan jiwanya tersentuh.

Praktis 4 Sajak Pesan Lelaki Kecil kepada Gadis Kampus

- (i) Penyajak mengharapkan anaknya dapat menyesuaikan diri dengan suasana dan persekitaran bandar yang jauh berbeza dengan kampung. Seterusnya, penyajak mahu anaknya menimba pengalaman baharu di universiti yang bakal mengubah kehidupan anaknya sebagai mahasiswa.
- (ii) Kita berkeinginan melanjutkan pelajaran hingga ke universiti **kerana** mahu menimba ilmu agar boleh dimanfaatkan dalam kerjaya dan kehidupan. Selain itu, kita ingin memperoleh ijazah yang ditawarkan, **supaya** memudahkan mendapat pekerjaan yang diimpikan. [Dua isi dengan ayat yang gramatis akan memperoleh markah maksimum].
- (iii) Gaya bahasa yang terdapat dalam sajak ialah **anafora**, contohnya dalam baris yang berikut: “Di awan kampus yang sarat ilmu”, “di pohon kampus yang tegar status”, dan “di padang kampus yang hijau pertimbangan”. Selanjutnya **metafora**, contohnya dalam baris “mengetahui kalimat hujan dan bilah petir”.

Praktis 5 Sajak Erti Hidup Bererti

- (i) Penyajak berkata bahawa dirinya sebagai seorang ibu seolah-olah tidak bermakna kepada anak-anak kandungnya. Penyajak juga berharap agar anak-anaknya insaf akan kesilapan yang dilakukan oleh mereka supaya tidak terus menjadi anak yang derhaka.
- (ii) Anak-anak muda jarang menjenguk ibu bapa yang sudah tua kerana memberi fokus kepada kerjaya dan rakan sebaya **menyebabkan** mereka merasakan tiada kelapangan untuk menjenguk ibu bapa dalam tempoh yang lama. Selain itu, tempat tinggal anak-anak jauh dari tempat tinggal ibu bapa **menyebabkan** mereka hanya pulang menjenguk ibu bapa ketika hari perayaan. [Dua isi dengan ayat yang gramatis akan memperoleh markah maksimum].

- (iii) Pengajaran daripada sajak ialah **kita perlu mempunyai perasaan kasih sayang**, contohnya penyajak tetap menyayangi anak-anaknya dan berharap anak-anaknya itu berubah sikap dengan menjenguknya yang kini hidup bersendirian. Seterusnya **kita hendaklah belajar berdikari**, contohnya penyajak hidup sendiri tanpa dikunjungi oleh anak-anak.

Praktis 6 Sajak Kudup Perang

- (i) Hang Tuah tidak dilabelkan sebagai pemimpin yang tersohor pada ketika itu kerana kesetiiaannya terhadap sultan masih diragukan.
- (ii) Ciri-ciri pemimpin yang dikehendaki oleh rakyat ialah pemimpin yang berjaya menjana ekonomi negara **sehinggakan** rakyat hidup dalam keadaan selesa. Selain itu, pemimpin yang mendahulukan rakyat dalam semua bidang **walaupun** diri sendiri hidup dalam serba sederhana. [Dua isi dengan ayat yang gramatis akan memperoleh markah maksimum].
- (iii) Gaya bahasa yang terdapat dalam sajak ialah **personifikasi**, contohnya dalam baris “membajakan kezaliman”, dan “sempat juga menadah sejambak puisi”. Akhir sekali **simile**, contohnya dalam baris “perca-perca bahagia – seperti perawan”.

Praktis 7 Prosa Tradisional Burung Terbang Dipipiskan Lada

- (i) Apabila mendapati Sultan Muzaffar Syah ingkar, Raja Benua Siam menyuruh tenteranya berlempak dengan senjata untuk menyerang Melaka. Kemudian, Raja Benua Siam menitahkan Awi Cakri membawa banyak rakyatnya berjalan menuju ke hulu Pahang melalui jalan darat.
- (ii) Tindak balas rakyat Melaka ialah seluruh rakyat di teluk rantau berhimpun di Melaka. Tun Perak pula membawa orang Kelang ke Melaka bersama dengan anak dan isteri. Kemudian, rakyat Kelang menghadap Sultan Muzaffar Syah untuk memaklumkan tindakan yang telah dilakukan.
- (iii) Rakyat akur dengan arahan sultan kerana mahu memastikan negeri dalam keadaan aman **yang** membolehkan mereka hidup dalam keadaan sejahtera. Selain itu, bagi rakyat, raja merupakan majikan mereka **yang** memerlukan tenaga mereka pada saat genting. [Dua isi dengan ayat yang gramatis akan memperoleh markah maksimum].

Praktis 8 Cerpen Cinta Ahmad Mutawakkil

- (i) Ketika penduduk kampung menghadapi kesulitan hidup pada zaman Jepun, Ahmad Mutawakkil telah menjadi anak angkat kepada Imam Ngah Deraman. Selain itu, Ahmad Mutawakkil telah kerap menghilangkan diri.
- (ii) Apabila kita menguasai lebih daripada satu bahasa, mudah untuk kita berkomunikasi dengan bangsa lain, **sekali gus** memberi keuntungan dalam kerjaya. Selain itu, kita boleh menambah pengetahuan **kerana** banyak sumber ilmu mudah diperolehi dalam bahasa asing. [Dua isi dengan ayat yang gramatis akan memperoleh markah maksimum].
- (iii) Pengajaran daripada petikan ialah **kita hendaklah bersikap prihatin terhadap nasib anak yatim**, contohnya Imam Ngah Deraman mengambil Ahmad Mutawakkil yang kematian ayah sebagai anak angkatnya. Pengajaran daripada keseluruhan cerpen ialah **kita mestilah mempunyai semangat patriotisme**, contohnya Ahmad Mutawakkil berjuang menuntut kemerdekaan negara menerusi tulisannya di akhbar dan ceramah umum sehinggakan dirinya terkorban di tangan komunis.

Praktis 9 Cerpen Hipertensi

- (i) Aiman bermaksud insan yang beriman. Aqil pula bermakna yang berakal.
- (ii) Insentif-insentif untuk mengembangkan potensi murid yang cerdas adalah dengan memberikan biasiswa khas **agar** mereka dapat menyambung pelajaran di universiti-universiti terkemuka di dalam dan luar negara. Seterusnya, memberikan peluang kepada mereka untuk mendalami bidang yang diminati, **seterusnya** boleh dimanfaatkan kepada negara. [Dua isi dengan ayat yang gramatis akan memperoleh markah maksimum].
- (iii) Persoalan yang terdapat dalam petikan ialah **persoalan kebanggaan terhadap identiti diri**, contohnya Aiman Aqil bangga akan nama yang diberikan kerana nama tersebut mempunyai makna yang terbaik. Persoalan daripada keseluruhan cerpen ialah **persoalan minat yang mendalam terhadap bidang angkasa lepas**, contohnya Aiman Aqil banyak mengkaji tentang angkasa lepas dan membayangkan dirinya menaiki kapal angkasa ke bulan.

Praktis 10 Cerpen Gerhana Manusia

- (i) Profesor Doktor Juaidi bersungguh-sungguh mahu menyelamatkan Tuan Besar Musa kerana banyak menyumbangkan dana kepada kelab elit mereka. Tuan Besar Musa seorang dermawan yang prihatin. Mereka banyak terhutang budi kepadanya. Tuan Besar Musa juga menaja makan malam tahunan mereka beratus-ratus ribu. [Pilih dua isi sahaja.]

- (ii) Langkah-langkah untuk menggalakkan orang ramai menderma darah adalah dengan cara memperhebat kempen **untuk** memberi kesedaran tentang kepentingan menderma derma darah. Selain itu, memberi keistimewaan rawatan kesihatan kepada penderma darah **agar** mereka merasakan sumbangan yang diberi dihargai. [Dua isi dengan ayat yang gramatis akan memperoleh markah maksimum].
- (iii) Nilai murni dalam petikan ialah **bekerjasama**, contohnya para doktor di Wad Unit Rawatan Rapi yang diketuai oleh Profesor Doktor Juaidi saling membantu untuk menyelamatkan Tuan Besar Musa yang kritikal. Nilai murni daripada keseluruhan cerpen ialah **kasih sayang**, contohnya Doktor Murni mempunyai perasaan kasih sayang yang tinggi terhadap pesakitnya yang kritikal dan beliau mahu pesakitnya mendapat rawatan terbaik sehinggakan beliau sanggup mendermakan dua pek darah.

Praktis 11 Drama Bukan Gila

- (i) Azmir ketakutan dan meronta-ronta kerana dia tidak mahu pulang. Dia rasa bahagia berehat di situ. Malah, dia takut dikurung di tempat yang tiada kesejahteraan. [Pilih dua isi sahaja.]
- (ii) Masalah kemurungan boleh diatasi apabila semua guru khususnya guru kaunseling mengenal pasti murid-murid yang murung **agar** rawatan awal dapat diberikan. Selain itu, pihak sekolah menguatkuasakan peraturan yang melibatkan kes kemurungan **agar** murid yang terlibat tidak menjejaskan prestasi akademik sekolah. [Dua isi dengan ayat yang gramatis akan memperoleh markah maksimum].
- (iii) Persoalan yang terdapat dalam petikan ialah **persoalan kesakitan membawa penderitaan**, contohnya Azmir menanggung kesakitan kerana menghidap barah otak. Persoalan daripada keseluruhan drama ialah **persoalan kurangnya ilmu menyebabkan salah membuat tindakan**, contohnya ibu dan ayah Azmir menganggapnya gila, sedangkan dia menghidap barah otak, lalu dihantar ke hospital untuk menerima rawatan sakit jiwa.

BAHAGIAN 4 PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN BAHASA

PRAKTIS SOALAN 3(a) MORFOLOGI

Praktis 1

1. Pekerja ladang itu membuat **gaduh** (gempar, huru-hara, riuh-rendah) kerana majikan mereka tidak membayar gaji pada tarikh yang ditetapkan.
“Jangan **gaduh** (risau, bimbang), tidak lama lagi saya siapkan tempahan rak awak,” janji ayah kepada rakannya.
2. Datuk Hazmin masih **gagah** (kuat, bertenaga) mengangkat guni-guni beras ke atas lori walaupun usianya sudah menjangkau 70 tahun.
“Kamu berasa **gagah** (bangga, megah) memandu terlalu laju di lebuhraya tanpa memikirkan pengguna lebuhraya lain,” herdik ayah kepada abang.
3. “Kegiatan pecah rumah semakin **galak** (giat, sangat aktif, tidak berhenti) akhir-akhir ini,” kata Tok Ketua kepada penduduk kampung.
Tangisan adik semakin **galak** (kuat dan memuncak) apabila mendengar suara ibu yang baru pulang dari tempat kerja.

Praktis 2

1. “Kamu mesti **angguk** (gerakan menundukkan kepala) tanda setuju jika ditanya oleh pegawai polis nanti,” terang Rajan kepada Siva.
Nenek **geleng** kepalanya (gerakan kepala ke kiri dan kanan atau sebaliknya) apabila diajak oleh Mak cik Idah pindah ke rumahnya.
2. Helen lantas **bangkit** (jaga daripada tidur) apabila jam locengnya berbunyi berulang kali.
“Saya nak **baring** (merebahkan badan, untuk merehatkan badan) sekejap sementara menunggu kek masak,” beritahu Devi kepada kakaknya.
3. Pekerja syarikat perumahan itu sungguh **cekap** (mahir) menyiapkan projek perumahan untuk rakyat miskin. Hisham berjalan dengan **lemah** (tidak bertenaga, tidak kuat) menuju ke dapur untuk makan kerana masih tidak sihat selepas kemalangan jalan raya.

Praktis 3

1. “Murid mesti tahu **makna** (erti atau maksud) perkataan sebelum menggunakannya dalam ayat,” terang Cikgu Sholihah.
2. Irfan merasakan hidupnya tidak **bermakna** (penuh tujuan, bermanfaat, penting) lagi kerana sering dikecewakan oleh wanita yang ingin dikahwininya.

3. Golongan muda perlu **memaknakan** (menjelaskan erti/maksud) kemerdekaan negara dengan tindakan yang betul agar negara bebas sepenuhnya daripada penjajahan.
4. Buah-buah mangga yang telah **masak** (sudah tua dan boleh dimakan) itu dipetik oleh emak untuk disedekahkan kepada jiran tetangga.
5. Semua guru bergotong-royong **memasak** (membuat pelbagai jenis masakan/kuih-muih) untuk kenduri sempena sambutan Israk Mikraj di sekolah saya.
6. Keluarga Shanti menyediakan **masakan** (sesuatu yang dimasak) yang mengandungi sayuran dan buah-buahan sahaja kerana mereka tidak makan makanan berasaskan ikan dan daging.

Praktis 4

1. Ah Seng terpaksa **ambil alih** (menggantikan orang atau pihak lain mengendalikan sesuatu) syarikat bapanya apabila bapanya meninggal dunia sebulan yang lalu.
2. Pegawai perhubungan itu meminta semua pekerja mengikut **atur cara** (jadual yang telah ditetapkan untuk dilaksanakan) yang telah ditetapkan agar majlis pelancaran produk terbaharu syarikat mereka berjalan lancar.
3. **Urus setia** (pihak yang bertanggungjawab tentang tugas-tugas kesetiausahaan) bagi pelarian dari Syria telah diugut oleh penduduk tempatan yang tidak berpuas hati dengan kehadiran mereka.
4. Pelanggan yang hadir telah memuji **susun atur** (cara menyusun dan mengatur sesuatu seperti perabot, hiasan sesuatu ruang) restoran baharu itu kerana kelihatan klasik dan unik.
5. Filem-filem bahasa asing yang disiarkan oleh stesen televisyen negara kita kebanyakannya ada **sari kata** (terjemahan dialog yang disiarkan serentak dengan tayangan filem berkenaan).
6. Rumah-rumah tradisional di Negeri Sembilan kebanyakannya mempunyai **reka bentuk** (corak, bentuk) yang sama dengan rumah Minang di Sumatera.

PRAKTIS SOALAN 3(b) SINTAKSIS

Praktis 5

- | | | |
|----------------|---------------------|---------------------|
| 1. Frasa Nama | 3. Frasa Sendi Nama | 5. Frasa Kerja |
| 2. Frasa Kerja | 4. Frasa Adjektif | 6. Frasa Sendi Nama |

Praktis 6

1. Arab Saudi dilawati oleh Presiden ke-45 Amerika Syarikat, Donald Trump.
2. Laporan lawatan sambil belajar disediakan oleh Aiman untuk majalah sekolah.
3. Minat yang mendalam telah kamu tunjukkan dalam bidang ketenteraan.
4. Filem yang diadaptasi daripada novel itu saya tonton kerana telah membaca novelnya.
5. Rambut adiknya yang panjang digunting oleh Zaleha di bawah pokok.
6. Semangat kesukanan yang tinggi ditunjukkan oleh semua ahli rumah sukan sekolah dalam kejohanan olahraga baru-baru ini.

Praktis 7

1. Azrul membaiki basikal adik dari pagi hingga petang.
2. Sekolah saya telah menyertai Pertandingan Patrol Denggi Peringkat Kebangsaan.
3. Saya akan mencari kucing kesayangan adik yang hilang semalam di setiap lorong taman.
4. Kami menanam pokok teh di sepanjang pagar rumah.
5. Semua murid mesti membeli baju kokurikulum di koperasi sekolah.
6. Saya menerima laporan banyak rumah telah dipecah masuk pada malam minggu lepas.

Praktis 8

1.
 - (i) Demam campak ialah penyakit berjangkit yang merebak melalui udara, iaitu berpunca daripada jangkitan virus campak.
 - (ii) Virus ini menyerang salur pernafasan dan pesakit akan mengalami bintik merah pada kulit.
 - (iii) Penyakit ini mudah menular kepada orang lain melalui titisan cecair dan lembapan dari mulut dan hidung ketika bercakap, batuk atau bersin.
2.
 - (i) Tindakan rakus pihak industri menyebabkan masalah serius terhadap alam sekitar seterusnya meningkatkan tahap pencemaran terutamanya pencemaran air.

- (ii) Pencemaran air berlaku disebabkan oleh pihak industri tidak menyediakan sistem pelupusan terancang dan tidak bertanggungjawab.
- (iii) Industri tekstil menjadi penyumbang utama pencemaran air kerana sebahagian pewarna fabrik mengandungi campuran bahan kimia yang membahayakan kesihatan manusia, memusnahkan tumbuhan dan mengancam ekosistem alam sekitar.

Praktis 9

1.

- (i) Pada hari ini kita dapat menyaksikan banyak orang menceburi bidang sukan pilihan mereka.
- (ii) Sukan pilihan mereka dijadikan platform membina kerjaya.
- (iii) Sukan bukan sekadar riadah semata-mata.
- (iv) Bidang sukan mampu menjanakan pulangan lumayan.
- (v) Sukan merupakan saluran paling berkesan menyatukan rakyat.
- (vi) Sukan juga menyatukan rakyat pelbagai kaum di negara ini.

2.

- (i) Budaya hidonisme dalam kalangan remaja hasil perkembangan pesat bidang sains.
- (ii) Budaya hidonisme dalam kalangan remaja hasil perkembangan pesat bidang teknologi.
- (iii) Ciptaan pelbagai alat elektronik memudahkan mereka mendapatkan hiburan.
- (iv) Ciptaan pelbagai alat elektronik menyebabkan mereka leka.
- (v) Sesetengah remaja mengamalkan cara hidup bebas di kolej.
- (vi) Sesetengah remaja mengamalkan gaya hidup bebas di pusat-pusat pengajian tinggi.

Praktis 10

Dinie menanyakan Faris rancangannya semasa cuti kerana cuti sekolah akan bermula besoknya.

Faris memberitahu bahawa dia akan balik ke kampungnya dan akan mengikut ayahnya menangkap ikan di laut.

Dinie bertanya sama ada dia boleh mengikut Faris balik ke kampungnya.

Faris kurang yakin sama ada keluarga Dinie akan membenarkan dia mengikut Faris balik ke kampungnya.

Dinie memberitahu bahawa ayah dan ibunya akan membenarkan dia ke mana-mana sahaja dengan syarat dia tidak membuat perkara yang tidak elok.

Faris berjanji akan meminta kebenaran daripada ayahnya terlebih dahulu.

Praktis 11

Iman mengucapkan tahniah kepada Izat kerana berjaya melanjutkan pelajarannya ke universiti.

Izat berterima kasih atas ucapan tahniah daripada Iman dan bertanyakan pula rancangan Iman sama ada ingin belajar atau terus bekerja.

Iman memberitahu bahawa ibu bapanya menyuruhnya menyambung pelajaran.

Izat menyokong keputusan Iman dan bertanyakan kursus yang akan diambil.

Iman menyatakan bahawa dia berminat dalam bidang kulinari dan telah memohon kursus tersebut.

Izat mendoakan Iman berjaya mengikuti kursus tersebut.

Praktis 12

“Jemputlah minum kopi dengan saya,” pelawa Alia kepada Suria.

“Sedapkah kopi yang kamu minum itu?” tanya Suria.

“Tentulah, ini kopi istimewa, enak dan sedap diminum serta mempunyai aroma yang unik,” jelas Alia lagi.

“Di mana kamu beli kopi itu?” tanya Suria lagi.

“Kopi ini hadiah daripada kawan saya yang baru balik dari Johor,” kata Alia.

“Oh, saya nak rasalah! Bagilah saya secawan,” pinta Suria.

Praktis 13

JOJIE: Bila kamu balik dari Thailand?

SIVA: Baru seminggu, banyak urusan saya belum selesai.

JOJIE: Kamu akan bekerja di Putrajaya atau akan keluar negara lagi?

SIVA: Belum pasti lagi sebab kena tunggu pilihan raya.

JOJIE: Seronok kerja macam awak, sentiasa berpindah dari satu negara ke negara lain.

SIVA: Seronoklah juga tapi sebagai pegawai diplomatik, saya terpaksa berpindah dan tidak boleh lama di sesuatu negara.

Praktis 14

1. Ayat penyata
2. Ayat tanya
3. Ayat perintah (suruhan)
4. Ayat seruan
5. Ayat penyata
6. Ayat perintah (permintaan)
7. Ayat seruan
8. Ayat Perintah (larangan)

Praktis 15

1. (i) Biodiversiti merupakan warisan semula jadi.
(ii) Biodiversiti tidak ternilai kepada penduduk dunia pada masa akan datang.
2. (i) atau
(ii) dan
(iii) serta
3. (i) Berfaedah kepada manusia dan alam ini semua kepelbagaian tersebut.
(ii) Kaya dengan kepelbagaian diversiti negara Malaysia.
4. Alam sekitar perlulah dipelihara dan dipulihara oleh rakyat Malaysia agar sumber biodiversiti tidak musnah.

PRAKTIS SOALAN 3(c) EJAAN DAN IMBUHAN

Praktis 16

1. pralimpik sepatutnya **paralimpik**
harum sepatutnya **mengharumkan**
2. mencecit sepatutnya **mencicit**
makan sepatutnya **makanan**
3. Professor sepatutnya **Profesor**
dalam sepatutnya **mendalam**
4. jaya sepatutnya **berjaya**
memperolehi sepatutnya **memperoleh**
5. motorbot sepatutnya **motobot**
pancing sepatutnya **memancing**
6. sains sepatutnya **Sains**
bermasyarakat sepatutnya **masyarakat**

PRAKTIS SOALAN 3(d) KATA ATAU ISTILAH DAN TATABAHASA

Sontoh soalan dan jawapan

1. pesta sepatutnya **projek**
tadi pagi sepatutnya **pagi tadi**
2. aktiviti sepatutnya **majlis**
teramat meriah sekali sepatutnya **amat meriah sekali/amat meriah/meriah sekali**
3. di akhir sepatutnya **pada akhir**
kehancuran sepatutnya **kemusnahan**
4. ketinggian sepatutnya **kenaikan**
ramai orang sepatutnya **orang ramai**
5. dibeli oleh saya sepatutnya **saya beli**
baju sepatutnya **buku**
6. mini bas sepatutnya **bas mini**
di hujung minggu sepatutnya **pada hujung minggu**

Praktis 17

1. hadiah sepatutnya **anugerah**
ramai peminat-peminatnya sepatutnya **ramai peminatnya/peminat-peminatnya**
2. menguak sepatutnya **mengaum**
doktor pakar haiwan sepatutnya **doktor haiwan**
3. meminta beribu-ribu ampun sepatutnya **meminta ampun**
akan sepatutnya **telah**
4. tua sepatutnya **dewasa**
perlu hanya sepatutnya **hanya perlu**
5. sejuk sepatutnya **tebal**
teramat sejuk sekali sepatutnya **amat sejuk sekali**
6. licin sepatutnya **bersih**
di setiap sepatutnya **pada setiap**

PRAKTIS SOALAN 3(e) PERIBAHASA

Praktis 18

1. (i) pandu cermat jiwa selamat
(ii) nasi sudah menjadi bubur

- (iii) ibarat mencurahkan air ke daun keladi
- 2.
- (i) “Tegurlah anak kamu itu, selalu sangat dia balik lewat malam. **Jangan dibiarkan cacing naik ke mata** (kelakuan yang melampau tidak boleh dibiarkan) nanti perangnya jadi makin melampau,” kata nenek kepada ibu.
- (ii) Memang wajar hidup Akmal susah kerana dia malas bekerja walaupun banyak peluang pekerjaan ibarat **segar berkayuh, perahu hanyut** (orang yang malas berusaha tentulah susah hidupnya).
- (iii) Sungguhpun Alea tidak pandai menjahit, namun berkat kesungguhannya belajar di kedai itu setiap hari, akhirnya dia pandai menjahit pelbagai fesyen pakaian kerana **belakang parang kalau diasah nescaya tajam** (seseorang yang bodoh, jika rajin berusaha, akhirnya akan berjaya).
- 3.
- (i) banyak undang banyak garamnya, banyak orang banyak ragamnya
- (ii) berakit-rakit ke hulu, berenang-renang ke tepian
- (iii) Hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih
- 4.
- (i) Enau dalam belukar melepaskan pucuk masing-masing – orang yang mementingkan diri sendiri
- (ii) Ditelan mati emak, diluahkan mati bapa – pilihan yang diambil sama penting
- (iii) Tinggal sehelai sepinggang – semua harta hilang kerana ditimpa bencana

LATIHAN MIRIP SPM 2018

Praktis 1

- a)
- (i) “**Azam** (cita-cita) saya untuk menjadi usahawan tahun ini,” kata Ikhwan kepada Husaini. **Azan** (panggilan untuk bersolat) yang dikumandangkan dari masjid itu didengari oleh seluruh penduduk kampung.
- (ii) Orang **abid** (orang yang menghambakan diri kepada Allah dengan beribadat kepada-Nya) tidak memikirkan sangat tentang keduniaan tetapi sentiasa beribadat kepada Allah SWT. Usman Awang seorang **adib** (sasterawan/pujangga) di negara ini, beliau terkenal sejak tahun 50-an kerana menghasilkan banyak karya sastera khususnya puisi dan drama.
- (iii) **Antara** (termasuk dalam kumpulan) mangsa kekejaman rejim itu ialah kanak-kanak dan orang tua. Sewaktu majikannya ke luar negara selama seminggu, pembantu rumah itu telah membuat **angkara** (perbuatan kurang ajar/jahat) dengan membawa teman lelakinya tinggal di rumah majikannya.
- b) Aktiviti kokurikulum mempunyai banyak faedah kepada murid-murid sekolah rendah. Aktiviti kokurikulum mempunyai banyak faedah kepada murid-murid sekolah menengah. Murid-murid dapat mengisi masa lapang mereka. Murid-murid dapat mengembangkan bakat mereka. Impaknya murid-murid tidak akan terjebak dengan aktiviti yang tidak sihat. Impaknya murid-murid tidak akan terjebak dengan masalah sosial.
- c)
- | Ejaan | | Imbuhan | |
|----------|---------|-------------|---------------|
| Salah | Betul | Salah | Betul |
| masaalah | masalah | pemerdagang | pemerdagangan |
| ke 16 | ke-16 | tinggi | tertinggi |
| Stesyen | stesen | ambil | mengambil |
- d)
- (i) goreng keledek sepatutnya **keledek goreng**
undangan sepatutnya **tetamu**
- (ii) Sederet rumah-rumah sepatutnya **Sederet rumah**
dijatuhkan sepatutnya **dirobuhkan**
- (iii) buah sepatutnya **batang**
sukakan sepatutnya **suka akan**

- e)
 - (i) Hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, baik juga di negeri sendiri
 - (ii) Hidung tak mancung, pipi tersorong-sorong
 - (iii) Harapkan pegar, pegar makan padi

Praktis 2

- a)
 - (i) Peserta lawatan itu telah mendapat **cenderamata** (sesuatu yang diberi kepada orang lain) sebagai tanda ingatan daripada pihak tuan rumah.
 - (ii) Pelajar-pelajar yang masuk ke universiti telah diberi **dermasiswa** (wang bantuan untuk pelajar universiti yang kurang mampu) untuk membantu mereka membiayai yuran pengajian.
 - (iii) Syarikat itu telah mengambil **kakitangan** (pekerja) yang baharu sempena penambahan cawangan syarikat di luar negara.
 - (iv) Johari telah membuat perjanjian dengan syarikat **multinasional** (syarikat besar yang beroperasi di banyak negara) dari luar negara bagi mengembangkan perniagaan susu kambingnya.
 - (v) Acara **olahraga** (sukan yang memerlukan kekuatan fizikal, ketangkasan atau stamina seperti berlari dan melompat) menjadi kegemaran murid sekolah pada setiap kali kejohanan sukan sekolah diadakan.
 - (vi) Saya telah menyertai pasukan **pancaragam** (kumpulan pemain muzik) sekolah semasa bersekolah menengah dahulu.
- b)
 - (i) Bilakah Puan Nenny dijangka bersalin?
 - (ii) Mengapakah Cameron Highlands menjadi destinasi percutian utama?
 - (iii) Siapakah pembekal minyak wangi yang terkenal di Kelantan?
 - (iv) Apakah pertandingan yang dimenangi oleh sekolah anda?
 - (v) Di manakah pokok cempaka putih ditanam oleh ibu?
 - (vi) Bagaimanakah Aziz terjatuh ke dalam longkang?
- c)
 - (i) samada sepatutnya **sama ada**
lanjutan sepatutnya **melanjutkan**
 - (ii) bawa sepatutnya **membawa**
alatulis sepatutnya **alat tulis**.
 - (iii) anti dadah sepatutnya **antidadah**
salahgunaan sepatutnya **penyalahgunaan**
- d)
 - (i) teramat tinggi sekali sepatutnya **amat tinggi sekali/teramat tinggi**
menjejaki sepatutnya **mendaki**
 - (ii) menceritakan tentang sepatutnya **menceritakan**
sayang sepatutnya **cinta**
 - (iii) memperbesarkan sepatutnya **memperbesar**
bilik sepatutnya **rumah**
- e)
 - (i) Sudah dapat sesuatu yang baharu, yang lama terus dibuang.
 - (ii) Jodoh yang amat sesuai.
 - (iii) Orang yang menasihati orang lain tetapi dia sendiri tidak melakukan seperti yang dinasihatinya.

Praktis 3

- a)
 - (i) Sharifah dan Rokiah sedang **duduk-duduk** (berehat-rehat/mengambil angin) sambil makan mangga colek di bawah pokok ketika kami sampai.
Pendudukan (perbuatan menduduki sesuatu daerah atau negara oleh kuasa atau negara lain) tentera Israel di tanah Palestin ditentang hebat oleh rakyat Palestin.
 - (ii) Balqis terpaksa cakap **kuat-kuat** (banyak tenaga) dengan neneknya kerana pendengaran neneknya semakin kurang.

- Kekuatan** (kekuasaan/kekukuhan) empayar Melaka suatu ketika dahulu sukar digugat oleh kerajaan lain di Kepulauan Melayu.
- (iii) Suami Raudah memintanya berfikir **masak-masak** (sudah dipertimbangkan dengan teliti) sebelum meletakkan jawatan di syarikat itu.
Setiap hari minggu Izzati akan memasak **masakan** (sesuatu yang dimasak) Arab kerana digemari oleh anak-anaknya.
- b)
- (i) “Guru penasihat Kelab Bahasa Melayu” (FN) “membawa murid melawat muzium” (FK). Jawapan: **FN + FK**
- (ii) “Basikal Ganesh” (FN) “basikal automatik teknologi dari China” (FN): Jawapan: **FN + FN**
- (iii) “Buah mangga harum manis” (FN) “di atas meja” (FS). Jawapan: **(FN) + (FS)**

c)

Ejaan		Imbuan	
Salah	Betul	Salah	Betul
Lapuran	laporan	berkaitan	dikaitkan
di ambil	diambil	lesu	kelesuan
Haluba	haloba	disalah gunakan	disalahgunakan

d)

- (i) Di antara sepatutnya **Antara**
Pelajar sepatutnya **siswazah/graduan**
- (ii) dibeli oleh saya sepatutnya **saya beli**
pertunjukan sepatutnya **pameran**
- (iii) menghadahi sepatutnya **menghadiahkan**
anak kecilnya sepatutnya **anak bongsunya**

e)

- (i) Danial menyimpan sepertiga daripada gajinya di bank seperti peribahasa **sediakan payung sebelum hujan** sebagai persediaannya jika berlaku kecemasan pada masa hadapan.
- (ii) Pada mula berniaga ayam, Shahrul membeli beberapa ekor anak ayam sahaja tetapi sentiasa menambah jumlah anak ayamnya pada setiap bulan mengikut kemampuannya, katanya **sedikit-sedikit, lama-lama jadi bukit**, kini dia menjadi usahawan ayam yang terkenal.
- (iii) Hubungan Aiman dengan Zara telah diputuskan oleh ayah Zara selepas mengetahui bahawa Aiman hanyalah seorang kerani dan daripada keluarga miskin sedangkan ayah Zara ialah jutawan terkenal kerana **burung pipit sama enggang, mana boleh terbang sama**.

Praktis 4

a)

- (i) “Jangan **selerak** (sepah/serak) kain baju yang telah dipakai di dalam bilik,” tegur Aini kepada anak-anaknya.
- (ii) Mak Cik Hawa mengutip buah rambutan yang **berselerak** (bersepah) di bawah pokok selepas dikait oleh Pak Cik Hasan.
- (iii) Semua peralatan dan pakaian rumah kami **diselerakkan** (disepah-sepahkan) oleh perompak yang masuk ketika kami tiada di rumah.
- (iv) Cahaya lampu yang dipasang di hadapan rumah kami **terselerak** (tersebar) di hadapan jalan rumah kami.
- (v) Adik lelaki Aishah suka **menyelerakkan** (menjadikan berselerak/bersepah) mainannya selepas bermain.
- (vi) **Penyelerakan** (penyebaran) benih ikan toman ke beberapa kolam itu adalah untuk menghasilkan anak-anak ikan toman yang berkualiti.

b)

- (i) Dapat menambahkan ilmu pengetahuan seseorang amalan membaca.
- (ii) Boleh mencapai kejayaan yang cemerlang murid yang berdisiplin.
- (iii) Telah diadakan pelantikan pengawas pusat sumber pada minggu lepas.

c)

- (i) kerinting sepatutnya **keriting**

- (ii) mengguna sepatutnya **menggunakan**
Pengembara sepatutnya **Pengembara**
Amerika Sharikat sepatutnya **Amerika Syarikat**
- (iii) losyen sepatutnya **loosen**
dimandi sepatutnya **dimandikan**

d)

Kata atau Istilah		Tatabahasa	
Salah	Betul	Salah	Betul
Adalah	ialah	semua sel-sel	semua sel
bahkan	tetapi	terlalu banyak sangat	terlalu banyak/banyak sangat
ramai orang	orang ramai	tingkat	kadar

e)

- (i) Masa itu emas
- (ii) Ilmu itu pelita hidup
- (iii) Jimat cermat membawa berkat

Praktis 5

a)

- (i) Kari daging di dalam periuk itu telah **bercampur** (bergaul) dengan air.
Tiara telah **bercampur** (berkawan) dengan rakan-rakan yang nakal menyebabkan dia dimarahi oleh ayah.
- (ii) Kucing yang dibela oleh Puan Rahmah **berekor** (mempunyai ekor) panjang dan sangat comel.
Pergaduhan itu tidak mungkin **berekor** (ada akibatnya) ke mahkamah jika mereka berbaik-baik semula atau menyelesaikannya di luar mahkamah.
- (iii) Sampah sarap **berhamburan** (bersepah-sepah) di tepi jalan kerana tong sampah telah diselongkar oleh anjing-anjing liar.
Air mata Azlina **berhamburan** (bercucuran, berderai-derai) sebaik sahaja mendapat berita kematian ibunya akibat kemalangan jalan raya.

b)

- (i) Peria mempunyai banyak khasiat kerana boleh membantu mengurangkan aras glukosa dalam darah.
- (ii) Oleh itu, peria mampu mengawal penyakit kencing manis yang kian meningkat malah pengambilan peria memberi kesan yang sama dengan pengambilan ubat moden untuk mengawal diabetes.
- (iii) Rasa peria yang pahit kurang digemari tetapi kepelbagaian khasiat peria telah menghasilkan banyak produk kesihatan di pasaran.

c)

- (i) Ramadhan sepatutnya **Ramadan**
sihat sepatutnya **kesihatan**
- (ii) sesi sepatutnya **sesi**
dilewat sepatutnya **dilewatkan**
- (iii) restoren sepatutnya **restoran**
dihidangkan sepatutnya **menghidangkan**

d)

- (i) membuat sepatutnya **menempah**
mini karpap sepatutnya **karipap mini**
- (ii) di kalangan sepatutnya **dalam kalangan**
membebankan sepatutnya **membimbangkan**
- (iii) sekumpulan remaja-remaja sepatutnya **sekumpulan remaja**
menunda sepatutnya **berlumba**

e)

- (i) bagai menatang minyak yang penuh
- (ii) cacing naik ke mata
- (iii) nasi telah menjadi bubur

Praktis 6

- a)
- (i) **Muka** (bahagian hadapan kepala) Amir pucat selepas terperanjat melihat ular tedung di bawah katilnya.
Hairy **bermuka-muka** (tidak ikhlas/pada zahir sahaja) menunjukkan dia telah berubah untuk menjadi baik tetapi hakikatnya dia masih suka berfoya-foya di kelab-kelab malam.
 - (ii) Seramai tiga **orang** (manusia) pekerja telah dibuang oleh syarikat itu kerana mereka telah menyalahgunakan harta syarikat.
Nenek telah meletakkan **orang-orang** (patung untuk menakutkan burung) di tengah-tengah sawah bagi menghalau burung yang memakan padi.
 - (iii) Ahmad terlalu lapar sehingga **habis** (tidak ada yang tinggal lagi) dimakannya kuih yang dibeli oleh ayah.
Sehabis-habis (seboleh-bolehnya/sampai ke akhir) tenaga digunakan oleh Ganesh untuk menolak batu yang besar di belakang rumahnya.
- b)
- “Di mana kamu beli kasut ini?” tanya Rasyid kepada Zarul.
 “Saya beli melalui perkhidmatan dalam talian,” jawab Rasyid.
 “Kau tak takut kena tipu?” tanya Zarul lagi.
 “Tak perlu takut sebab semua peniaga dalam talian perlu mendaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM),” beritahu Zarul.
 “Oh, kalau mereka tipu, kita boleh dakwa merekalah!” kata Rasyid.
 “Ya, sebab itulah saya beli secara dalam talian untuk menjimat masa,” kata Zarul lagi.
- c)
- (i) serunding sepatutnya **serondeng**
jadi sepatutnya **menjadi**
 - (ii) lebuhraya sepatutnya **lebuhraya**
dijatuhkan sepatutnya **terjatuh**
 - (iii) jualan sepatutnya **menjual**
satay sepatutnya **sate**
- d)
- | Kata atau Istilah | | Tatabahasa | |
|-------------------|-------------|--------------------|-------------------------|
| Salah | Betul | Salah | Betul |
| dihadapi | dihidapi | pelbagai-bagai | Pelbagai/berbagai-bagai |
| perkara-perkara | tanda-tanda | pesakit alami | dialami oleh pesakit |
| langkah | faktor | sebarang ubat-ubat | sebarang ubat |
- e)
- (i) Di tempat yang senang mencari rezeki, ramai orang berkumpul
 - (ii) Melakukan sesuatu mestilah mengikut kemampuan
 - (iii) Pergerakan yang pantas

Praktis 7

- a)
- (i) Struktur **batu-batan** (berbagai-bagai jenis batu) gunung itu sangat curam dan amat berbahaya kepada para pendaki.
 - (ii) Taman permainan di kawasan kejiranan saya menyediakan buaian dan **jongkang-jongket** (papan panjang bergandar di tengah dan kedua-dua hujungnya boleh turun dan naik) untuk kanak-kanak bermain.
 - (iii) Khalil telah memesan **kuih-muih** (bermacam-macam jenis kuih) dari restoran itu untuk jamuan di rumahnya.
 - (iv) **Rempah-ratus** (berbagai-bagai jenis rempah) yang terdapat di Kepulauan Melayu dijadikan alasan oleh kuasa Barat untuk menjajah.
 - (v) Terdapat **suku-sakat** (golongan orang yang seketurunan) orang Asli yang masih menghuni hutan belantara.
 - (vi) **Tanah-tanah** (pelbagai jenis tanah) di negara kita sangat subur, maka amat sesuai untuk memajukan bidang pertanian berbanding bidang perindustrian.

- b)
- (i) Husin telah menembak babi hutan yang merosakkan tanamannya pagi semalam.
 - (ii) Ahli persatuan Bahasa Melayu sekolah saya telah melawat Kompleks Kraf Kuala Lumpur sempena Hari Kraf 2018.
 - (iii) Persatuan Bola Sepak Johor Darul Takzim (JDT) mengimport pemain-pemain terkenal dari Argentina dan Brazil.

c)

Ejaan		Imbuan	
Salah	Betul	Salah	Betul
sosio ekonomi	sosioekonomi	ternakan	penternakan
industri	industri	berguna	digunakan
telur	telur	pengguna	penggunaan

d)

- (i) kedua-dua pengawal sepatutnya **kedua-dua orang pengawal** bersenapang sepatutnya **bersenjata**
- (ii) satu setengah jam sepatutnya **satu jam setengah** dibuat sepatutnya **disambung**
- (iii) melalui di lebuhraya sepatutnya **melalui lebuhraya** bertolak sepatutnya **sampai**

e)

- (i) Seperti ikan pulang ke lubuk (balik ke tempat asal)
- (ii) Macam ular kekenyangan (susah untuk bergerak kerana terlalu kenyang)
- (iii) Seekor kerbau membawa lumpur, semuanya terpalit (seorang membuat jahat habis semua terkena akibatnya)

Praktis 8

a)

- (i) Buku Sejarah Melayu merupakan **adikarya** (karya agung) Tun Seri Lanang mengenai sejarah Kesultanan Melayu Melaka.
- (ii) Kegagalan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu menangani peperangan di Palestin adalah disebabkan oleh campur tangan negara **adikuasa** (kuasa utama) terhadap keputusan badan dunia itu.
- (iii) Dewan Bahasa dan Pustaka telah menghasilkan kamus **ekabahasa** (satu bahasa) yang komprehensif untuk rujukan semua golongan di negara ini.
- (iv) Corak pada lukisan dinding itu direka dalam bentuk **ekamatra** (satu dimensi) oleh Puan Zahrah.
- (v) Belia haruslah kreatif dan aktif untuk memupuk **swadaya** (kekuatan sendiri) dalam memajukan masyarakat kampung.
- (vi) Kebanyakan kedai makan mengamalkan konsep **swalayan** (layan diri) kepada para pelanggan yang datang untuk makan.

b)

- (i) Pelbagai juadah berbuka puasa terdapat di bazar Ramadan.
- (ii) Emak menebang pokok pisang kerana buahnya telah masak.
- (iii) Pasukan hoki yang mempunyai jurulatih berwibawa akan membawa kejayaan.

c)

- (i) meninggalkan sepatutnya **meninggal**
90an sepatutnya **90-an**
- (ii) Cis! Berani kamu menentang sepatutnya **Cis, berani kamu menentang!**
tercabut sepatutnya **mencabut**.
- (iii) ikut sepatutnya **mengikuti**
pra Olimpik sepatutnya **pra-Olimpik**

d)

Kata atau Istilah		Tatabahasa	
Salah	Betul	Salah	Betul
Mudah	pernah	kepada	dengan

cadangan	komen	banyak pihak-pihak	banyak pihak
lurus	teratur	Di antaranya	Antaranya

e)

- (i) berat mata memandang, berat lagi bahu yang memikul
- (ii) titik peluh
- (iii) bagaimana ditanam, begitulah dituai